UUM/AA87/SH/16.6.2026/P:19 (1-3)

Pegawai UUM buat laporan polis terhadap Haim Hilman



Bakhari membuat laporan terhadap Haim Hilman di Balai Polis Bukit Kayu Hitam pagi Isnin.

Dakwaan wujud 'pintu belakang' dan penjualan tempat di IPTA jejaskan reputasi universiti awam

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA

SHAH ALAM - Seorang pegawai Universiti Utara Malaysia (UUM) membuat laporan polis terhadap Ahli Jawatankuasa Kerja Pas Pusat, Dr Haim Hilman Abdullah berhubung dakwaan terdapat institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menjual tempat kepada golongan tertentu.

Bakhari Che Mohamed Ariff berkata, pada 14 Jun lalu kira-kira jam 10 pagi ketika berada di pejabat, beliau menonton rakaman video ucapan Haim Hilman yang disiarkan di Facebook sempena Ceramah Umum Ambang Pilihan Raya Negeri Sembilan.

Menurutnya, dalam ucapan tersebut, Haim Hilman antara lain mendakwa bahawa universiti awam pada masa kini menjual tempat untuk anak-anak kepada individu yang mempunyai kemampuan kewangan.

"Terdapat dakwaan 'pintu belakang' untuk memasuki universiti awam bagi mereka yang tidak layak berdasarkan merit akademik dan sejumlah tempat yang sepatutnya diberikan kepada pelajar layak telah dinafikan kerana universiti awam menerima pelajar yang mampu membayar yuran penuh.

"Oleh itu, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) perlu menjalankan siasatan terhadap kandungan ucapan tersebut kerana ia berunsur fitnah dan boleh menjejaskan reputasi universiti awam.

"Tambahan pula, ucapan ini disebarkan secara meluas ke seluruh negara, malah video melalui pautan tersebut sahaja telah ditonton lebih 220,000 kali," katanya dalam laporan yang dibuat di Balai Polis Bukit Kayu Hitam pada Isnin.

Sebelum ini, Haim Hilman didakwa menyatakan bahawa IPTA menafikan peluang kepada 30,000 pelajar yang layak akibat amalan tidak telus serta wujud 'pintu belakang' dalam satu ceramah umum di Markas Pas Kawasan Seremban pada 13 Jun lalu.

Beliau turut menyatakan bahawa keadaan tersebut merupakan kecelakaan paling besar dalam pendidikan negara dan menyalahkan kerajaan kerana gagal menyediakan dana serta tempat yang mencukupi di universiti awam.

Dalam pada itu, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sedang meneliti dan mempertimbangkan tindakan serta prosedur perundangan sewajarnya atas tuduhan yang dibuat Haim Hilman.

KPT dalam satu kenyataan berkata, tuduhan tersebut bukan sahaja sangat berat, malah berpotensi menjejaskan reputasi dan kredibiliti keseluruhan sistem pendidikan tinggi negara.